

**PENGURUSAN BENGKEL KEMAHIRAN HIDUP DI SEKOLAH
MENENGAH ZON CHANIS MUADZAM SHAH PAHANG**

KHARNI BINTI DOL BAKKRI

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

PENGURUSAN BENGKEL KEMAHIRAN HIDUP DI SEKOLAH
MENENGAH ZON CHANIS MUADZAM SHAH PAHANG

KHARNI BINTI DOL BAKKRI

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian
daripada syarat penganugerahan ijazah Sarjana Pendidikan
(Pengurusan dan Pentadbiran)

Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

JULAI 2013

DEDIKASI

Ditujukan istimewa kepada:

Suami tercinta yang sentiasa bersama mendoakan, mendorong dan membantu dengan penuh kesabaran Mohd. Naser bin Md Dan.

Buat putera dan puteri yang dikasihi dan amat memahami, Muhammad Mursyid, Najah Adnin, Muhammad Zuhdi, Muhammad Ukasyah dan Safiyah Rayyan
Semoga usaha ini menjadi inspirasi

Buat allahyarham ayahanda Dol Bakkri bin Mohd dan bonda Alijah bt Othman yang amat disayangi dan sentiasa mendoakan kejayaan anakanda serta terima kasih kepada keluarga, rakan-rakan dan para pensyarah semoga kita akan terus cemerlang pada masa hadapan.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Tuhan Yang Maha Pengasih Dan Penyayang, syukur alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadirat Allah s.w.t di atas kurniaNya yang memberi ketabahan, kekuatan dan kesabaran dalam menyempurnakan kajian ini. Setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Yusof Boon selaku penyelia kajian ini di atas segala tunjuk ajar, nasihat, teguran, dorongan dan bimbingan yang tidak pernah jemu dalam melaksanakan kajian ini. Segala ilmu yang diberikan amat penulis hargai dan Allah sahaja layak membalasnya.

Seterusnya ucapan setinggi-tinggi penghargaan juga disampaikan kepada semua pensyarah dan rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak mendorong, memberikan kerjasama secara langsung atau tidak langsung sepanjang tempoh kajian ini dijalankan. Penghargaan juga diberikan kepada pihak sekolah dan guru-guru yang berkenaan serta semua guru yang terlibat sebagai responden untuk kajian yang telah dijalankan.

Akhirnya sekalung ucapan terima kasih kepada allahyarham ayahanda, bonda , suami yang bersama-sama di landasan perjuangan ilmu,, anak-anak dan keluarga tercinta diucapkan terima kasih yang tidak terhingga atas segala sokongan yang telah diberikan. Semoga Allah akan sentiasa melimpahkan hidayat dan rahmatnya yang tidak terhingga hingga ke negeri abadi.

ABSTRAK

Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengenalpasti tahap pengetahuan dan amalan pengurusan bengkel kemahiran hidup dalam kalangan guru sekolah menengah Zon Chanis, Muadzam Shah Pahang. Selain itu tujuan kajian ini dijalankan juga adalah untuk melihat perbezaan tahap pengetahuan dan amalan pengurusan bengkel kemahiran hidup dalam kalangan guru kemahiran hidup mengikut jantina, opsyen dan tempoh perkhidmatan. Responden kajian terdiri daripada 43 orang guru daripada tujuh buah sekolah menengah yang berada di Zon Chanis, Muadzam Shah. Borang soal selidik yang diedarkan mengandungi tiga bahagian yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat latar belakang responden, tahap pengetahuan dan amalan pengurusan bengkel kemahiran hidup. Hasil kajian rintis menunjukkan kebolehpercayaan item soal selidik adalah tinggi dengan indeks *Alpha Cronbach* pengetahuan secara keseluruhan ialah memberikan nilai 0.764 dan aspek amalan pula ialah 0.754. Data kajian dianalisis dengan menggunakan program *SPSS Version 18.0* untuk mendapatkan min, sisihan piawai, peratusan, ujian- t dan kolerasi *Pearson*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan dan amalan pengurusan bengkel kemahiran hidup di sekolah menengah Zon Chanis adalah pada tahap yang tinggi. Kajian ini juga mendapati tidak terdapat perbezaan tahap pengetahuan dan amalan pengurusan kemahiran hidup dalam kalangan guru berdasarkan jantina, opsyen dan tempoh perkhidmatan. Selanjutnya dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan dengan amalan pengurusan bengkel kemahiran hidup dalam kalangan guru kemahiran hidup

ABSTRACT

This study was done to determine the level of knowledge and life skills workshop management practices among secondary school teachers Chanis Zone, Muadzam Shah of Pahang. Besides the purpose of this study is also to see the different levels of management knowledge and practice life skills workshops in life skills teachers by gender, and length of service options. Respondents consisted of 43 teachers from seven schools in the Zone Chanis, Muadzam Shah. Distributed questionnaires consists of three sections designed to obtain background information on the respondents, the level of knowledge management practices and life skills workshops. The pilot study results indicate the reliability of the questionnaire items was high with Cronbach Alpha index overall knowledge is to give the 0764 and the practice was is 0754. Data were analyzed using SPSS Version 18.0 for the mean, standard deviation, percentage, t-test and Pearson correlation. The results showed that the level of management knowledge and practice life skills workshops in secondary schools Chanis zone is at a high level. The study also found no significant differences in knowledge and life skills management practices among teachers based on gender, and length of service options. Further study showed that there is a significant relationship between knowledge and life skills workshops management practices among teachers of life skills.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	HALAMAN
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	x
	SENARAI RAJAH	xii
	SENARAI LAMPIRAN	xiii
1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Pernyataan Masalah	4
	1.4 Objektif kajian	6
	1.5 Persoalan Kajian	6
	1.6 Hipotesis Kajian	7
	1.7 Kerangka Teori	8
	1.8 Kerangka Kajian	11
	1.9 Kepentingan Kajian	11
	1.10 Batasan Kajian	12
	1.11 Prosedur Kajian	13
	1.12 Definasi Istilah	14
	1.13 Penutup	19

2 SOROTAN KAJIAN

2.1	Pengenalan	20
2.2	Model/ Teori	22
2.3	Kajian Terdahulu	23
	2.3.1 Kajian Dalam Negara	23
	2.3.2 Kajian Luar Negara	24
2.4	Penutup	26

3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	27
3.2	Rekabentuk Kajian	27
3.3	Lokasi Kajian	28
3.4	Populasi Dan Sampel Kajian	28
3.5	Instrumen Kajian	29
3.6	Keesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	30
3.7	Analisis Data	31
3.8	Kajian Rintis	34
3.9	Penutup	35

4	ANALISIS DATA	
4.1	Pengenalan	37
4.2	Latar Belakang Responden	38
4.3	Analisis Deskriptif Berdasarkan Persoalan Kajian	40
4.4	Analisis Inferensi Berdasarkan Hipotesis Kajian	44
4.5	Penutup	52
5	RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	53
5.2	Rumusan Kajian	53
5.3	Implikasi Kajian	62
5.5	Cadangan Kajian Tindakan	63
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	64
5.7	Penutup	65
	RUJUKAN	66
	LAMPIRAN	68

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	HALAMAN
3.1	Skala Likert	29
3.2	Nilai alpha pengurusan dan amalan bengkel KH	30
3.3	Ringkasan prosedur analisis data	31
3.4	Sempadan rujukan tahap pengurusan dan amalan KH	32
3.5	Analisis kolerasi <i>Pearson</i>	33
3.6	Penentuan hipotesis nol berdasarkan nilai signifikan	34
4.1	Taburan responden mengikut jantina	39
4.2	Taburan responden mengikut tempoh perkhidmatan	39
4.3	Taburan responden mengikut tempoh opsyen	40
4.4	Tahap pengetahuan pengurusan bengkel kemahiran hidup dalam kalangan guru kemahiran hidup sekolah menengah Zon Chanis Muadzam Shah	41
4.5	Analisis tahap amalan dari kalangan guru kemahiran hidup sekolah menengah Zon Chanis Muadzam shah.	42
4.6	Analisis ujian –t perbezaan tahap pengetahuan guru-guru kemahiran hidup mengenai pengurusan bengkel kemahiran hidup di sekolah menengah Zon Chanis, Muadzam Shah berdasarkan jantina.	44
4.7	Analisis ujian –t perbezaan tahap perbezaan pengetahuan guru-guru kemahiran hidup mengenai pengurusan bengkel kemahiran hidup di sekolah menengah Zon Chanis, Muadzam Shah berdasarkan opsyen	45
4.8	Analisis ujian –t perbezaan tahap pengetahuan guru-guru kemahiran hidup mengenai pengurusan bengkel kemahiran hidup di sekolah menengah Zon Chanis, Muadzam Shah berdasarkan tempoh perkhidmatan	46

4.9	Analisis ujian –t perbezaan tahap amalan guru-guru kemahiran hidup mengenai pengurusan bengkel kemahiran hidup di sekolah menengah Zon Chanis, Muadzam Shah mengikut jantina.	47
4.10	Analisis ujian –t perbezaan tahap amalan guru-guru kemahiran hidup mengenai pengurusan bengkel kemahiran hidup di sekolah menengah Zon Chanis, Muadzam Shah mengikut opsyen	48
4.11	Analisis ujian –t perbezaan tahap amalan guru-guru kemahiran hidup mengenai pengurusan bengkel kemahiran hidup di sekolah menengah Zon Chanis, Muadzam Shah mengikut tempoh perkhidmatan	49
4.11	Analisis kolerasi <i>Pearson</i> tahap hubungan pengetahuan dengan Tahap amalan guru-guru kemahiran hidup di sekolah menengah Zon Chanis, Muadzam Shah	50
4.14	Ringkasan keseluruhan analisis data persoalan kajian	51

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	HALAMAN
1.1	Model Penetapan Kurikulum Kemahiran Hidup	9
1.2	Model Inovasi Kurikulum	10
1.3	Kerangka Kajian	11

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	HALAMAN
A	Contoh Set Soal Selidik	68
B	Analisis Data Kajian	72
C	Surat Pengesahan Status Pelajar	94
D	Surat Kebenaran Melaksanakan Kajian	95

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Mata Pelajaran kemahiran hidup adalah satu mata pelajaran teras yang berunsurkan teknologi berlandaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk meningkatkan lagi daya pengeluaran Negara melalui penglibatan masyarakat dan tenaga kerja secara produktif berlandaskan teknologi sejajar dengan dasar dan keperluan Negara. Matlamat mata pelajaran ini diperkenalkan untuk melahirkan insan yang berdikari, kenal faham teknologi dan ekonomi serta kreatif, berinsentif dan yakin diri dalam keadaan Negara menuju ke arah era teknologi. Mata pelajaran ini yang bukan sahaja mementingkan kemahiran kognitif tetapi mementingkan kemahiran praktik. Bagi menjayakan pelaksanaan mata pelajaran kemahiran hidup menuntut komitmen yang tinggi semua pihak yang terlibat. Pengajaran dan pembelajaran yang berkesan merupakan suatu elemen yang penting untuk menyampaikan dan mengembangkan ilmu pengetahuan.

Pengajaran berkesan dilihat sebagai suatu proses penyampaian maklumat dan memberikan pengalaman yang akan mengubah tingkah laku seseorang pelajar secara

kekal. Perubahan tingkah laku pelajar dilihat dari segi kefahaman dan kemahiran yang mereka perolehi semasa sesi pengajaran berlaku ataupun sesi praktikal yang berjaya dijalankan oleh pelajar. Selain itu, pengajaran berkesan ditakrifkan sebagai pengajaran yang dapat meningkatkan pembelajaran dalam diri pelajar (Hunter, 1995) dalam Esah, 2003).

Selaras dengan matlamat mata pelajaran kemahiran hidup yang bertujuan mengeluarkan bakal-bakal professional dalam bidang teknikal, kemahiran yang tinggi dalam aspek amali amatlah dititikberatkan. Dalam melahirkan pelajar-pelajar yang berkemahiran tinggi, biasanya mereka akan menggunakan bengkel bagi latihan amali bagi memantapkan ilmu yang dimiliki sebelum melangkah ke alam pekerjaan.

Sesi pengajaran dan pembelajaran praktik yang dijalankan di bengkel amali memerlukan pengurusan organisasi bengkel yang cekap sistematik dan teratur. Menurut Pusat Perkembangan Kurikulum, 1999 Organisasi makmal atau bengkel merupakan sesuatu sistem pengurusan yang memerlukan kerjasama antara pentadbir, guru dan pelajar. Sanusi Mohd. Sidin, 1998) menyatakan guru-guru yang terlibat di dalam sistem pengurusan bengkel perlulah mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang aspek pengurusan dan amalan di bengkel kemahiran hidup. Ini adalah kerana perjalanan sesebuah bengkel banyak melibatkan aspek merancang, mengatur, menyelia dan mengawal. Sesebuah bengkel yang diatur dan diurus dengan baik akan membantu proses pengajaran dan pembelajaran disampaikan dengan lebih berkesan. Objektif pengajaran yang berkesan di bengkel amali tentu sahaja akan meningkatkan kemahiran pelajar dalam subjek yang dipelajari.

1.2 Latar Belakang Masalah

Kemalangan sering terjadi di bengkel adalah disebabkan oleh faktor manusia dan factor fizikal. Menurut Azizi Ahmad (2007), kemalangan yang berlaku di tempat kerja akan melibatkan berlakunya kecederaan yang tidak terduga akibat dari kecuaiian atau ketidak sengajaan pekerja semasa melakukan tugas yang diarahkan. Kebanyakan kemalangan dan kecederaan berlaku disebabkan mangsa terjatuh semasa bekerja. Begitu juga kajian yang telah dilakukan oleh Osborne (1995), banyak bahagian pada tubuh badan akan mengalami kecederaan dan kekejangan apabila melakukan sesuatu kerja dalam keadaan yang tidak ergonomik. Antara bahagian badan yang sering mengalami kecederaan dan kekejangan adalah seperti pergelangan tangan, siku, bahu dan tapak kaki.

Di Malaysia, fenomena yang sama dipandang serius oleh semua pihak, berdasarkan statistik dari Pertubuhan Keselamatan Sosial atau PERKESO jumlah kemalangan di tempat kerja meningkat dari 51,340 kes dalam tahun 1980 ke 95,000 kes dalam tahun 2000. Pada masa yang sama jumlah kematian juga meningkat daripada 143 orang pada tahun 1980 ke 1004 orang pada tahun 2000. Timbalan Menteri Sumber Manusia Senator Datuk Maznah Mazlan telah menyatakan bahawa statistik kemalangan di tempat kerja pada tahun 2009 adalah seramai 67,000.

“Namun, apa yang menakutkan, daripada jumlah itu, kemalangan yang berlaku di sektor perindustrian menunjukkan hampir semua kes yang dilaporkan membabitkan kes kematian,”

(Datuk Maznah Mazlan, Timbalan Menteri Sumber Manusia, Harian Metro, 12 Mei 2009)

Oleh yang demikian, guru kemahiran hidup sebagai pihak yang diberi tanggungjawab terhadap pengurusan dan amalan di bengkel sewajarnya mengurus dan menyediakan keadaan bengkel yang lebih ergonomik sebagai langkah

mengelakkan berlakunya kemalangan semasa pelajar melakukan kerja-kerja amali. Guru seharusnya bersedia dari sudut pengetahuan dan kemahiran berkaitan dengan pengurusan bengkel agar matlamat dan objektif pengajaran dan pembelajaran dapat dicapai sepenuhnya.

1.3 Pernyataan Masalah

Mata pelajaran kemahiran hidup merupakan satu mata pelajaran yang menggunakan proses pengajaran yang berbeza dengan mata pelajaran lain. Proses pengajaran yang dilaksanakan memerlukan lebih banyak waktu pengajaran pelajar di dalam bengkel. Persekitaran bengkel perlu diambil berat dan tidak dipandang ringan agar dapat menimbulkan suasana yang selesa kepada pelajar mahupun guru. Aspek-aspek keselamatan dan kemudahan serta lokasi bengkel perlu dititikberatkan untuk menghindarkan sebarang masalah berlaku semasa sesi amali dijalankan. Alatan di dalam bengkel perlu diselenggara dari semasa ke semasa bagi mengelakkan berlaku kecederaan atau kemalangan ekoran dari penggunaan alatan yang rosak atau bahan kimia beracun yang tidak diselenggara dengan baik. Salah satu daripada punca kemalangan yang biasa berlaku di bengkel ialah kegagalan pelajar-pelajar untuk menggunakan alat-alat keselamatan yang disediakan untuk pelajar.

Pemakaian apron dan penutup mulut semasa mengendalikan mesin juga kurang diamalkan pelajar kerana ia terbukti sebahagian pelajar sahaja menggunakan penutup mulut semasa mengendalikan mesin pengelas kayu. Semasa proses mengelas kayu, habuk-habuk kayu akan berterbangan dan boleh menyebabkan batuk dan mata berair. Ini adalah bertepatan dengan pendapat yang dikemukakan oleh Maimunah (1992) menjelaskan bahawa pekerja-pekerja yang tidak mengendahkan penyumbat telinga dianggap gagal memahami keperluan alatan tersebut sama ada

malas ataupun menganggap 'kurang macho' untuk lajar-pelajar lain, mereka lebih gemar bergurau dan berlari-lari di dalam bengkel.

Kajian yang telah dibuat oleh Rafiy (2003) terhadap sikap pelajar ketika berada di bengkel pada tahap yang sederhana dan beliau menjelaskan di dalam kajiannya, segelintir pelajar mengabaikan amalan keselamatan dengan tidak mengendahkan larangan supaya tidak bermain-main semasa melakukan kerja-kerja amali di dalam bengkel, ada pelajar yang lebih gemar mengusik rakan ketika melakukan kerja amali dan tidak mendengar arahan guru.

Masalah ini mungkin berpunca daripada faktor guru dan pelajar sendiri. Terdapat guru-guru Kemahiran Hidup yang tidak begitu mahir tentang pengurusan dan amalan di bengkel kemahiran hidup itu sendiri. Keadaan ini terjadi mungkin disebabkan kurang latihan, pendedahan atau pengetahuan dalam aspek pengurusan dan amalan bengkel. Sebagaimana diketahui pengurusan dan amalan di bengkel adalah satu aspek yang memerlukan kemahiran pengurusan yang tinggi dan memerlukan komitmen yang mendalam daripada pihak guru untuk melaksanakan dengan jayanya memandangkan guru-guru dalam masa yang sama sibuk dengan tugas-tugas pengajaran dan pembelajaran.

Terdapat juga di sekolah-sekolah, subjek Kemahiran Hidup diajar oleh guru yang bukan opsyen menyebabkan mereka tidak dapat menjiwai aspek-aspek pengurusan dan amalan bengkel kemahiran hidup dengan sepenuhnya. Terdapat juga segelintir guru kemahiran hidup yang mengamalkan aspek keselamatan di peringkat minima sahaja semasa sesi pengajaran dan pembelajaran menyebabkan pelajar terdedah kepada bahaya yang tidak diundang semasa melakukan kerja amali di bengkel. Oleh itu kajian ini diharapkan dapat meningkatkan tahap pengurusan dan amalan guru kemahiran hidup di bengkel agar keselamatan pelajar berada di tahap yang baik.

1.4 Objektif Kajian

- i. Mengenalpasti tahap pengetahuan guru-guru Kemahiran Hidup Zon Chanis, Muadzam Shah tentang pengurusan bengkel kemahiran hidup.
- ii. Mengenalpasti tahap amalan guru-guru Kemahiran Hidup Zon Chanis, Muadzam Shah tentang pengurusan bengkel kemahiran hidup.
- iii. Mengenalpasti sama ada terdapat perbezaan tahap pengetahuan guru-guru kemahiran hidup Zon Chanis, Muadzam Shah tentang pengurusan bengkel kemahiran hidup berdasarkan demografi, jantina, opsyen dan tempoh perkhidmatan.
- iv. Mengenalpasti sama ada terdapat perbezaan tahap amalan pengurusan bengkel kemahiran hidup di kalangan guru-guru kemahiran hidup Zon Chanis, Muadzam Shah berdasarkan demografi iaitu jantina, opsyen dan tempoh perkhidmatan.
- v. Mengenalpasti sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan dengan amalan pengurusan makmal kemahiran hidup dalam kalangan guru-guru kemahiran hidup Zon Chanis, Muadzam Shah.

1.5 Persoalan Kajian

- i. Apakah tahap pengetahuan guru-guru kemahiran hidup Zon Chanis, Muadzam Shah tentang pengurusan bengkel kemahiran hidup.
- ii. Apakah tahap amalan guru-guru Kemahiran Hidup Zon Chanis, Muadzam Shah tentang pengurusan bengkel kemahiran hidup.
- iii. Apakah adalah terdapat perbezaan tahap pengetahuan guru-guru kemahiran hidup Zon Chanis, Muadzam Shah tentang bengkel kemahiran hidup berdasarkan demografi, jantina, opsyen dan tempoh perkhidmatan.

- iv. Apakah terdapat perbezaan tahap amalan pengurusan bengkel kemahiran hidup dalam kalangan guru-guru kemahiran hidup Zon Chanis, Muadzam Shah berdasarkan demografi iaitu jantina, opsyen dan tempoh perkhidmatan.
- v. Apakah adakah terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan dengan amalan pengurusan makmal kemahiran hidup dalam kalangan guru-guru kemahiran hidup Zon Chanis, Muadzam Shah.

1.6 Hipotesis Kajian

- H01 Tidak terdapat perbezaan tahap pengetahuan guru di sekolah menengah Zon Chanis Muadzam Shah tentang pengurusan bengkel kemahiran hidup berdasarkan jantina.
- H02 Tidak terdapat perbezaan tahap pengetahuan pengurusan guru di sekolah menengah Zon Chanis Muadzam Shah di bengkel kemahiran hidup berdasarkan opsyen.
- H03 Tidak terdapat perbezaan tahap pengetahuan pengurusan guru di sekolah menengah Zon Chanis Muadzam Shah di bengkel kemahiran hidup berdasarkan tempoh perkhidmatan.
- H04 Tidak terdapat perbezaan tahap amalan pengurusan guru di sekolah menengah Zon Chanis Muadzam Shah di bengkel kemahiran hidup berdasarkan jantina.
- H05 Tidak terdapat perbezaan tahap amalan pengurusan guru di sekolah menengah Zon Chanis Muadzam Shah di bengkel kemahiran hidup berdasarkan opsyen.
- H06 Tidak terdapat perbezaan tahap amalan pengurusan guru di sekolah menengah Zon Chanis Muadzam Shah di bengkel kemahiran hidup berdasarkan tempoh perkhidmatan.
- H07 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan dan amalan pengurusan bengkel kemahiran hidup di sekolah menengah zon Chanis Muadzam Shah Pahang.


1.7 Kerangka Teori/ Model

Faktor persekitaran iaitu tekanan ekonomi, industri, politik, budaya dan sosial adalah amat penting untuk difikirkan dalam penggubalan sesebuah kurikulum. Ini kerana segala input yang dipelajari akan membawa kepada output akan datang dalam persekitaran yang sama. Perubahan dalam persekitaran adalah bergantung kepada output yang diperolehi kesan dari input yang diterima. Segala kepincangan yang ada dalam persekitaran atau sebarang penambahbaikan yang perlu dari persekitaran yang ada boleh dibaiki melalui output yang bakal diterima. Jadi bagi memastikan output yang bakal diterima sebagaimana yang dikehendaki, tujuan atau sasaran kita perlu tepat.

Apabila sasaran adalah tepat segala input yang diperlukan akan dirangka bagi memenuhi objektif atau tujuan yang telah ditetapkan. Disinilah pentingnya untuk menetapkan sasaran dan tujuan pendidikan yang tepat dan tiada lain yang lebih tepat melainkan melahirkan individu yang menyedari hakikat, makna dan tujuan hidupnya adalah semata-mata kerana Allah s.w.t. Program-program yang bertepatan akan dirangka menggunakan model penetapan kurikulum kemahiran hidup ini mengikut peringkat umur. Kemahiran-kemahiran yang sepatutnya individu tersebut pelajari pada peringkat umur tersebut diterap dalam setiap kandungan kurikulum. Kandungan-kandungan program akan dianalisis secara terperinci. Ketepatannya dari segi kognitif, psikomotor dan juga keberkesanannya akan dikaji.

Setelah ianya dianalisis, kandungan yang terbaik akan dipilih dan disusun mengikut susunan yang sesuai supaya pembelajaran dapat diterima dengan mudah. Susunan kandungan yang dibuat ini akan dikaji lagi secara terperinci supaya ia betul-betul menepati apa yang disasarkan dan selaras dengan matlamat FPK. Setelah kandungan dan susunan program diterima, penstrukturan pengajaran dibuat bagi membantu para pelaksana iaitu pentadbir, penyelarar dan para guru untuk melaksanakan program yang dirangka. Di dalam penstrukturan ini, objektif, hasil


pembelajaran dan kaedah pengajaran di rangka untuk membantu guru-guru melaksanakan program ini. Seterusnya, skop tugas pelaksana ditetapkan dalam format pelaksanaan supaya tidak berlaku pertindihan dan pertikaian tugas. Ini adalah penting bagi memastikan setiap pelaksana memahami skop tugas masing-masing.



Rajah 1.1 Model Penetapan Kurikulum Kemahiran Hidup sumber Kementerian Pelajaran Malaysia

Program yang telah direkabentuk akan disusun dan dikelaskan serta dilaksanakan mengikut peringkat umur supaya setiap kemahiran dapat dikuasa secara berperingkat. Rajah 1.2 di bawah menunjukkan Model Inovasi Kurikulum Kemahiran Hidup Bersepadu (INOKU-KHB). Model ini menunjukkan kandungan kurikulum yang perlu dipelajari oleh setiap pelajar mengikut peringkat umur bermula dari tadika sehingga ke peringkat pengajian tinggi. Adalah diharapkan agar kurikulum yang dibentuk dalam model ini dapat merealisasikan Falsafah

Pendidikan Kebangsaan sekaligus menerapkan nilai ketuhanan di dalam diri individu agar kerjaya yang dipilih akan menjadi bermakna.




PETUNJUK :

KURIKULUM	ISI KANDUNGAN
K1	3M + PERSEKITARAN + AGAMA/MORAL
K2	3M + ASAS KEMAHIRAN + AGAMA/MORAL
K3	3M + ASAS KEMAHIRAN + AGAMA/MORAL + ASAS ICT
K4	3M + ASAS KEMAHIRAN + AGAMA/MORAL + KHSR + ASAS ICT
K5	MP TERAS + (KHB : TERAS & ELEKTIF) + PERISIAN ICT+ PRAKTIKAL
K6	MP TERAS + MP TAMBAHAN + MP ELEKTIF (TEKNIK & VOKASIONAL) + PERISIAN ICT PERTENGAHAN DAN TINGGI.
K7	MP PERINGKAT PENGAJIAN TINGGI + KEPERLUAN INDUSTRI (TEORI & PRAKTIKAL)

Rajah 1.2 : Model Inovasi Kurikulum Kemahiran Hidup Bersepadu (INOKU-KHB)

1.8 Kerangka Kajian



Rajah 1.3 : Kerangka Kajian

1.9 Kepentingan Kajian

Kajian berkaitan bengkel kemahiran hidup telah banyak dilakukan oleh pengkaji terdahulu. Bagaimanapun kajian ini cuba memberi fokus yang lebih kecil dengan mengkaji tentang amalan dan pengurusan bengkel Kemahiran Hidup di sekolah menengah Zon Chanis Muadzam Shah Pahang. Kajian ini diharapkan dapat memperolehi maklumat yang tepat mengenai persoalan yang dikaji. Maklumat ini juga akan memberi manfaat kepada beberapa pihak seperti:

i. Pengurusan Sekolah

Kajian ini diharapkan dapat membantu pengurusan sekolah untuk membaiki kualiti pengurusan di sekolah masing-masing. Pengetua selaku pentadbir sekolah akan sentiasa peka dan memantau aspek pengurusan dan amalan di bengkel kemahiran hidup berada pada tahap yang memuaskan. Selaku pentadbir kewangan

di sekolah, pengetua sudah seharusnya menyediakan budget yang cukup untuk melengkapkan bengkel dengan peralatan amali yang lengkap bahkan juga kelengkapan keselamatan berada pada tahap yang baik.

ii. Penggubal Dasar

Kajian ini juga dapat digunakan oleh penggubal dasar seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri atau Pejabat Pendidikan Daerah untuk merangka program, kursus atau latihan samada jangka panjang atau jangka panjang kepada guru-guru kemahiran hidup untuk menambah pengetahuan, pengalaman dan kemahiran mereka dalam menyampaikan objektif dan matlamat subjek Kemahiran Hidup dengan yakin dan penuh komitmen yang tinggi.

iii. Penyelidik Pada Masa Hadapan

Kajian ini penting dalam kajian aspek pengurusan dan kualiti mutu kerja. Pengurusan yang efisien dan kualiti mutu kerja yang baik akan meningkatkan produktiviti dan sudah semestinya kajian ini amat berguna untuk kemajuan dan perkembangan pendidikan.

1.10 Batasan Kajian

Kajian kuantitatif ini melibatkan guru-guru yang mengajar mata pelajaran kemahiran hidup mengikut elektif masing-masing. Kajian ini hanya melibatkan tujuh buah sekolah di Zon Chanis Muadzam Shah dengan fokus soalan mengenai amalan dan pengurusan bengkel Kemahiran Hidup di sekolah masing-masing.

Bilangan guru kemahiran hidup yang terlibat dalam sesi soal selidik ini seramai 43 orang sahaja dari tujuh buah sekolah menengah Zon Chanis Muadzam Shah Pahang. Oleh itu dapatan kajian ini tidak dapat digeneralisasikan kepada semua sekolah di Malaysia kerana sampel kajian ini yang sangat kecil. Bagaimanapun ianya amat berguna dari sudut pengetahuan tentang sejauh mana amalan dan pengurusan sebahagian kecil guru kemahiran hidup di Malaysia.

Kajian yang dilakukan dalam masa yang agak singkat iaitu hanya lapan bulan menyebabkan berlakunya banyak kekangan untuk mengutip maklumat dan memperolehi dapatan yang lebih terperinci tentang persoalan kajian. Kajian ini hanya bergantung kepada kefahaman dan kejujuran responden menjawab soalan dalam borang soal selidik yang diedarkan. Maklumat yang diperolehi hanya secara umum sahaja kerana maklumat yang diperolehi dalam bentuk kuantitatif bukannya kualitatif.

1.11 Prosedur Kajian

Graziano dan Raulin (1996) mendefinisikan kajian dengan lebih ringkas sebagai satu pencarian yang sistematik terhadap maklumat serta suatu proses penyelidikan. Pengkaji membahagikan kajian ini kepada beberapa fasa (Sumber: Graziano dan Raulin: 1996):

- i. Fasa penjanaan minda iaitu mengenalpasti kecenderungan topik kajian. Pengkaji akan membuat kajian literature dan bahan-bahan bacaan dalam bentuk buku, jurnal kajian-kajian lepas ataupun daripada internet atau majalah. Dalam kajian ini pengkaji mengkaji topik amalan dan pengurusan di bengkel kemahiran hidup.
- ii. Fasa pendefinisian masalah iaitu memperhalusi objektif dan persoalan kajian.

- iii. Fasa mereka bentuk program yang spesifik yang akan menggunakan prosedur yang akan digunakan di dalam pengumpulan dan analisis statistik data. Dalam fasa ini pengkaji akan memilih sampel, mereka bentuk soalan selidik dan mengedarkan soal selidik untuk mendapatkan jawapan kepada persoalan kajian. Dalam kajian ini pengkaji telah mereka bentuk set soalan kajian yang akan diedarkan kepada empat puluh tiga orang guru kemahiran hidup di Zon Chanis Muadzam Shah, Pahang.
- iv. Fasa pemerhatian iaitu iaitu mengumpul data daripada subjek kajian iaitu empat puluh tiga orang guru Kemahiran Hidup di sekolah menengah \Zon Chanis.
- v. Fasa menganalisis data iaitu data yang dikumpul akan digunakan data statistik yang sesuai. Data-data yang dikumpul akan dimasukkan ke dalam komputer untuk dianalisa menggunakan perisian SPSS version 18.
- vi. Fasa interpretasi. Setiap data dianalisis secara statistik untuk mendapatkan nilai min, dan sisihan piawai untuk mengetahui samada terdapat hubungan atau perbezaan yang signifikan tentang amalan dan pengurusan bengkel kemahiran hidup dengan faktor demografi guru. Pengkaji seterusnya akan membuat perbincangan atau rumusan tentang dapatan kajian samada menepati teori yang dikemukakan.
- vii. Fasa kesimpulan iaitu pengkaji menyediakan laporan bertulis mengenai dapatan kajian tentang amalan dan pengurusan bengkel kemahiran hidup.

1.12 Definisi Istilah dan Operasional

Terdapat beberapa definisi istilah dan operasional yang akan dibincangkan dalam kajian ini seperti yang berikut:

1.12.1 Bengkel Kemahiran Hidup

Dalam kajian ini bengkel kemahiran hidup merupakan tempat melakukan amali mengenai subjek-subjek elektif seperti Elektronik Asas, Kerja Kayu, Ekonomi Rumah Tangga(ERT),Sains Pertanian dan sebagainya.

1.12.2 Pengurusan Bengkel Kemahiran Hidup

Pengurusan menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka edisi keempat (2010) adalah suatu perihal atau kerja mengurus seperti mengurus syarikat atau sektor-sektor perniagaan. Pusat Perkembangan Kurikulum (2002), menyatakan bahawa pengurusan bengkel adalah melibatkan dari segi peraturan dan keselamatan ditempat kerja, etika kerja , pengurusan bengkel dan penyenggaraan. Ini membuktikan guru-guru bukan hanya perlu mengajar dan mendidik tetapi perlu menguruskan bengkel kemahiran hidup.

Dalam kajian ini pengurusan bengkel kemahiran hidup adalah suatu perlakuan mengurus bengkel oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab dengan perjalanan bengkel seperti guru-guru kemahiran hidup dari aspek pengurusan organisasi, susun atur bengkel, peraturan dan keselamatan, penstoran dan alatan.

1.12.3 Tahap Pengetahuan

Menurut Kamus Dewan edisi keempat(2010), tahap bermaksud peringkat atau tingkat dan pengetahuan pula bermaksud perihal mengetahui atau apa yang diketahui oleh seseorang tentang sesuatu perkara. Dalam kajian ini tahap

pengetahuan bermaksud tingkat ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh guru kemahiran hidup tentang pengurusan bengkel kemahiran hidup.

1.12.4 Tahap Amalan

Amalan adalah sesuatu yang dilaksanakan, dikerjakan atau dipraktikkan oleh seseorang tentang pengetahuan yang dimilikinya. Dalam kajian ini tahap amalan bermaksud amalan yang dipraktikkan oleh guru kemahiran hidup dalam pengurusan bengkel kemahiran hidup.

1.12.5 Jantina

Menurut Kamus Dewan edisi keempat (2010) jantina bermaksud jenis kelamin(lelaki atau perempuan.) . Dalam kajian ini jantina bermaksud guru-guru lelaki dan perempuan yang terlibat sebagai responden kajian.

1.12.6 Opsyen

Dari segi bahasa bermaksud pilihan tetapi dalam konteks kajian ini opsyen bermaksud pengkhususan bidang guru kemahiran hidup samada benar-benar mempunyai pengkhususan dalam mengajar subjek kemahiran hidup atau bukan pengkhususan tetapi bidang-bidang yang berkaitan dengan subjek kemahiran hidup yang melayakkan seseorang guru mengajar subjek kemahiran hidup.

1.12.7 Tempoh Perkhidmatan

Tempoh adalah jangka waktu dan perkhidmatan adalah servis. Tempoh perkhidmatan dalam kajian ini adalah tempoh berapa lama seseorang guru itu telah mengajar subjek kemahiran hidup di sekolah.

1.12.8. Guru kemahiran hidup

Guru adalah orang yang mengajar atau mendidik seseorang berdasarkan pengetahuan yang dimilikinya. Dalam kajian ini guru kemahiran hidup adalah seseorang yang mendidik pelajar mengikut elektif samada Sains Pertanian, Seni Perusahaan, Sains Rumah tangga dan Perdagangan. Dalam kajian ini difokuskan tentang guru kemahiran hidup yang menggunakan bengkel kemahiran hidup dalam pengajaran mereka.

1.12.9. Kemahiran Hidup

Kemahiran Hidup adalah satu mata pelajaran baru yang digubal mengikut kehendakperakuan-perakuan yang disarankan di dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet (1989). Perakuan-perakuan itu adalah seperti berikut:

Adalah diperakukan bahawa kurikulum peringkat menengah rendah hendaklah berupa perkembangan dari kurikulum sekolah rendah, iaitu perkukuhan lagi pendidikan asas dan memperkenalkan pendidikan umum yang juga merangkumi aspek-aspek pendidikan pravokasional', dan pendedahan murid-murid kepada bidang teknik dan vokasional di peringkat menengah rendah amatlah terpisah sehingga ia merupakan suatu usaha ke arah pengkhususan. Oleh yang demikian adalah

diperakukan supaya kurikulum mata pelajaran-mata pelajaran elektif di peringkat ini diubah pada strukturnya. Sukatanpelajaran yang ada hendaklah digubal semula dengan tujuan supaya pendedahan murid-murid kepada pelajaran teknik dan vokasional tidak hanya terhad padabidang satu mata pelajaran elektif sahaja tetapi juga ilmu pengetahuan yang penting dari bidang-bidang elektif yang lain'.

(Laporan Jawatankuasa Kabinet, 1989 m.s 88-90)

Mata pelajaran Kemahiran Hidup diperkenalkan sebagai menggantikan elektif seperti mata pelajaran Sains Pertanian, Seni Perusahaan, Sains Rumah tangga dan Perdagangan. Di dalam pendidikan komprehensif yang diamalkan sejak tahun 1965 hingga sekarang, murid-murid hanya perlu memilih salah satu daripada empat mata pelajaran elektif di peringkat sekolah.

1.12.9 Ergonomik

Istilah ergonomik menurut Wilson (2000) membawa maksud sesuatu yang berkaitan dengan rekabentuk situasi tempat kerja supaya sesuai dengan pekerja semasa menjalankan aktiviti.Ergonomik seharusnya merangkumi tiga aspek utama iaitu reka cipta stesyen kerja dan peralatan, mengenal pasti dan mengurangkan kerja yang tidak selamat dan mengawal faktor persekitaran dan berkaitan organisasi.Aplikasi utama ergonomik adalah meningkatkan moral pekerja, meningkatkan produktiviti dan kualiti, mengurangkan kemalangan dan mengoptima penggunaan masa. Dalam kajian ini ergonomik adalah penting di bengkel kemahiran hidup supaya bengkel menjadi tempat yang selamat.

1.12.10 Pengajaran dan Pembelajaran

Mok Song Sang(1992) peringkat atau proses penyebaran ilmu pengetahuan atau kemahiran tertentu dan perkembangan satu perubahan tingkah laku manusia yang kekal dan stabil serta dihasilkan melalui pengalaman dan latihan.

1.13 Penutup

Tanggungjawab guru kemahiran hidup bukan sahaja melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran tetapi juga melibatkan tanggungjawab guru dalam pengendalian bengkel bagi meningkatkan prestasi pelajar serta cemerlang selaras dengan kehendak kerajaan menjadikan Malaysia sebuah negara maju pada tahun 2020. Kajian ini diharapkan dapat memberi sedikit input dan pengetahuan kepada guru-guru kemahiran hidup bagi meningkatkan pengurusan dan amalan di beng kemahiran hidup.

RUJUKAN

- Abdul Aziz Nahar (1996). *Tanggapan terhadap Mata Pelajaran KemahirannHidup di Sekolah Rendah Daerah Melaka Tengah*. Tesis Sarajana Muda Pendidikan, Unversit Teknologi Malaysia.
- Abdullah Ahmad Badawi, Datuk Seri (1 Januari 2004).*Pendidikan Perlu Peka Pendidikan*. Berita Harian. ms 8.
- Azizi Yahya (1999). *Satu Penilaian Terhadap Keberkesanan Perlaksanaan Program di Pusat Pemulihan Akhlak di Semenanjung Malaysia*, Universiti Teknologi Malaysia
- Azizi Hj. Yahya (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PT Proffessional Publishing Sdn.Bhd.
- Baker, Christoper (1982). *School for Advanced Studies*. Bristo: University of Bristo.Crow D.L. dan Crow.A. (1983), *psikologi Pendidikan Untuk Pengguna*.Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Connell, W.F. (1981). *Asas-Asas Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Davis,A.G.& Rimm S.B (1974).” Education of the Gifted and Talented”. New Jersey,U.S.A.: Prentice Hall Publications.
- Pang, M.S (1997). “Pedagogi 2: Perlaksanaan Pengajaran.” Kumpulan Budiman Sdn Bhd: Kuala Lumpur.
- Ramlah Hamzah (1993). “Persepsi dan Masalah Guru Terhadap Mata Pelajaran Kemahiran Hidup.” *Jurnal Pendidikan Guru* , Bahagian Pendidikan Guru (KPM) Bil.9 : 50-71 .
- Sharil Hj. Marzuki .(1993). “Vokasional Dan Teknik ; Peranannya Dalam Negara Perindustrian .” *Dewan Masyarakat* Julai: 54-56 home.
- Tajul Ariffin Nordin.(1993). “Penyelidikan Satu Pemikiran Semula .” Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Zainal Bin Abd.Rahim. (1999). “ Kesesuaian Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu Dari Persepsi Pelajar Di Kawasan Batu Kurau Dan Selama, Perak.” *Projek Ijazah Sarjana Muda*. UTM: Tidak Diterbitkan.

Zainuddin Bin Mahmud. (1997). "Perhubungan Di Antara Kemahiran Sedia Ada Pelajar 2 SPH Dari Pembelajaran Kemahiran Hidup Semasa Di Sekolah Dan Kerja Amali Di UTM." Projek Ijazah Sarjana Muda. UTM: Tidak Diterbitkan.

Zol Azlan. (2000). "Strategi Pengajaran: Pendekatan Sains, teknologi masyarakat" Selangor: Prentice Hall.